

**NO. SOALAN: 326**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
[ SIBU ]**

**RUJUKAN : 8809**

**SOALAN:**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keadaan pengaruh ISIS di Malaysia. Berapakah orang sudah ditangkap dan didakwa kerana melibatkan kegiatan ISIS. Adakah benar letupan yang berlaku di Jakarta melibatkan kegiatan ISIS di Malaysia, sila jelaskan.**

**JAWAPAN:**

**Suka saya memaklum bahawa tahap pengaruh Daesh di dalam negara adalah terkawal. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Polis DiRaja Malaysia dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan meningkatkan pemantauan bagi mengekang perkembangannya.**

**Sehingga 25 Februari 2016, pihak polis telah berjaya menangkap seramai 160 orang yang terlibat dengan elemen kumpulan pengganas Daesh di Malaysia. Walau bagaimanapun, saya tidak berhasrat untuk mendedahkan secara terperinci maklumat tersebut agar tidak mengganggu siasatan pihak polis.**

**Berhubung dengan insiden letupan di Jakarta, perlu dijelaskan bahawa tidak ada organisasi Daesh yang tersusun wujud di negara ini. Malahan, tidak ada satu negara di dunia ini yang boleh menjamin bahawa mereka bebas daripada pengaruh Daesh. Mereka yang terpengaruh dengan kumpulan pengganas Daesh ini menerima arahan terus daripada Daesh di Syria untuk melancarkan serangan di negara masing-masing. Sehubungan itu, kenyataan Ahli Yang Berhormat yang mengaitkan peristiwa letupan di Jakarta pada 14 Januari 2016 dengan kegiatan Daesh di Malaysia adalah tidak wajar malahan tidak tepat sama sekali.**